

International Journal of Education,
Psychology and Counselling (IJEPC)
Journal Website: <http://ijepe.com/>
eISSN: 0128-164X



PENGARUH MOTIVASI DAN KOMPETENSI TERHADAP PERUBAHAN PENGURUSAN DATA MURID DI SABAH

THE INFLUENCE OF MOTIVATION AND COMPETENCE TOWARDS CHANGE MANAGEMENT OF STUDENT DATA IN SABAH

Norin Farizah Mohd Nuin¹, Abdul Said Ambotang², Syahrul Nizam Salam³

¹ Fakulti Psikologi Dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah
Email: norinfarizah3037@gmail.com

² Fakulti Psikologi Dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah
Email: said@ums.edu.my

³ Universiti Malaysia Sabah
Email: insantakwa@yahoo.com

Article Info:

Article history:

Received date: 08.09.2019

Revised date: 17.09.2019

Accepted date: 13.02.2020

Published date: 15.03.2020

To cite this document:

Nuin, N. F. M., Ambotang, A. S., & Salam, S. N. (2020). Pengaruh Motivasi dan Kompetensi terhadap Perubahan Pengurusan Data Murid di Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (34), 116-125.

DOI: 10.35631/IJEPC.534009.

Abstrak:

Kajian dijalankan bertujuan mengetahui pengaruh motivasi dan kompetensi guru terhadap perubahan pengurusan data murid di negeri Sabah. Tahap perubahan pengurusan data murid sebagai pemboleh ubah bersandar. Motivasi guru dan kompetensi pengetua merupakan pemboleh ubah tidak bersandar. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen iaitu soal selidik. Populasi guru kelas di Sabah adalah seramai 6341 orang guru. Kajian yang dijalankan melibatkan 402 orang guru kelas yang terdiri daripada sekolah daripada zon utara, zon selatan, zon pantai barat, zon pantai timur dan zon tenggara di negeri Sabah. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Science (SPSS) versi 21.0 untuk mendapatkan keputusan kajian yang tepat.

Kata Kunci:

Kompetensi Perubahan Pengurusan, Motivasi Guru, Kompetensi Pengetua, Guru Kelas

Abstract:

The study was conducted to determine the influence of motivation and teachers' competence towards change management of student data in Sabah. The change management of student data as the dependent variable. Teachers' motivation and principals of competence are the independent variables. This study was carried out using questionnaires instruments. The population of classroom

teachers in Sabah is 6341 teachers. This study involving 402 classroom teachers comprising north zone, south zone, west coast zone, east coast zone, eastern zone in Sabah. The data were analyzed using the Statistical Package For Science (SPSS) version 21.0 to get the accurate results.

Keywords:

Competence of Change Management, Teachers Motivation, Principals Competence, Classroom Teachers

Pengenalan

Dalam era globalisasi abad ke 21, pengurusan pendidikan Malaysia berfokuskan kepada aplikasi teknologi internet dalam pengurusan pendidikan. Ini kerana, perubahan dalam bidang teknologi memerlukan pengurusan yang cekap dan terlatih dalam kalangan guru. Ini juga menunjukkan guru perlu bersedia dari segi tahap rohani dan jasmani. Penggunaan teknologi komputer dalam bidang pengurusan membantu memudahkan pelbagai urusan dan akses maklumat yang cekap dan teratur sesuai dengan pembangunan teknologi dalam pendidikan melalui revolusi industri (IR 4.0) dalam sesebuah negara.

Justeru, respons yang positif diperlukan dalam setiap perubahan yang berlaku terutama dalam merealisasikan dasar, matlamat dan wawasan pembangunan negara yang sedang mengalami suatu rombakan besar menjelang abad baru (Salleh, Ibrahim, & Ariffin, 2009). Kewujudan sistem maklumat pengurusan dalam pelbagai bidang telah memainkan peranan penting dalam prospek pengurusan data dan maklumat di seluruh dunia (Raymond, 2007).

Ini kerana kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merupakan salah satu daripada penekanan yang diberikan selaras dengan hasrat mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan menyediakan pendidikan bertaraf dunia yang baik melalui sistem perubahan data yang sistematik dan berkesan dalam pentadbiran negara.

Pernyataan Masalah

Kajian ini mengenal pasti sama ada terdapat hubungan dan pengaruh motivasi guru dan kompetensi pengetua terhadap perubahan pengurusan data murid dalam kalangan guru kelas di Sabah. Permasalahan perubahan pengurusan data wujud apabila sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) diperkenalkan di seluruh negara. Menurut Cheon, Reeve, Lee & Lee (2018) guru perlu menyesuaikan diri dengan perubahan jika mereka mahu terus wujud dan dapat mengikut arus dengan kaedah dan teknologi baru dengan melihat dari semua aspek penting termasuk tahap motivasi, kompetensi serta pengalaman. Dalam kajian Woods, Jeffrey, Troman, & Boyle (2019) berpendapat bahawa terdapat banyak faktor yang mempengaruhi permasalahan dalam proses pelaksanaan perubahan iaitu salah satu faktor ialah peranan guru. Selain itu, terdapat segelintir guru-guru yang kurang kemahiran dan pengetahuan dalam menggunakan perubahan dalam teknologi dan menyebabkan mereka kurang motivasi dalam melengkapkan data murid di sekolah. Hal ini di sokong oleh Deutschman (2005), dalam merangka satu perubahan, motivasi boleh wujud berdasarkan pengalaman individu itu sendiri. Ini kerana kajian menunjukkan guru kurang memahami dari segi strategi dan juga matlamat pembaharuan dalam pengurusan perubahan (Puteh, Ghazali, Tamyis, & Ali, 2016).

Kejayaan dalam perubahan pengurusan sesuatu dasar dan matlamat dalam pendidikan bergantung pada tahap kecekapan dalam melaksanakan pengurusan pentadbiran yang lebih cekap dalam pengurusan data murid di Malaysia. Kekurangan motivasi, kecekapan, kemahiran serta kompetensi dalam pengurusan pekerjaan mampu memberi kesan terhadap pelaksanaan sesuatu sistem pengurusan. Dalam kajian Wiersma (2000), guru yang tidak kompeten dapat merencanakan penggunaan pengurusan teknologi yang melibatkan pangkalan data. Ini menunjukkan kekurangan kemahiran, memberi kesan dan menimbulkan pelbagai kesulitan dalam perubahan pengurusan data murid di sekolah. Kajian Santagata & Yeh (2016) menunjukkan kompetensi yang dimiliki tidak akan mempengaruhi perubahan dalam pengurusan yang lebih baik sekiranya tidak melibatkan pengetahuan dan keterampilan sebagai individu yang mempunyai kompetensi tinggi sebagai pentadbir. Selain itu, dalam kajian Sharma (2010) mendapati kompetensi pengetua sekolah di Malaysia adalah dipengaruhi oleh persepsi guru-guru yang melibatkan pengetahuan dalam mengurus perubahan pentadbiran. Dalam kajian Noordin dan Sharifudin (2004) mendapati bahawa, persepsi guru terhadap amalan kompetensi pengetua dari segi kepimpinan perubahan pada sesebuah sekolah menengah di Malaysia masih di tahap yang belum memuaskan dan perlu diberi perhatian yang serius.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- Mengenal pasti hubungan motivasi guru dengan perubahan pengurusan data murid di Sabah
- Mengenal pasti hubungan kompetensi pengetua dengan perubahan pengurusan data murid di Sabah.
- Mengenal pasti pengaruh antara motivasi guru dan kompetensi pengetua dengan perubahan pengurusan data murid dalam kalangan guru kelas di Sabah

Hipotesis Kajian

Satu hipotesis dibina untuk menjawab objektif kajian, iaitu:

H₀₁ Tidak terdapat hubungan kompetensi pengetua dengan perubahan pengurusan data murid di Sabah

H₀₂ Tidak terdapat hubungan motivasi guru dengan perubahan pengurusan data murid di Sabah.

H₀₃ Tidak terdapat pengaruh antara kompetensi pengetua dan motivasi guru dengan perubahan pengurusan data murid di Sabah.

Kajian Literatur

Dalam kajian Dunne & Martin (2006) memperincikan aspek perubahan pengurusan sebagai dimensi yang melibatkan gaya seseorang sebagai fasilitator yang mencetuskan perubahan dalam sesebuah organisasi. Dalam kajian Brunsson & Olsen (2018) perubahan ialah proses yang melibatkan satu proses, sistem, struktur, organisasi dan institusi dalam perubahan pengurusan. Kajian ini di jelaskan lagi oleh Ibrahim, & Don (2014) menyatakan bahawa pengurusan perubahan tidak memberi tumpuan pada apa yang akan berubah, tetapi bagaimana penyelesaian yang akan dilaksanakan. Selain itu, kajian Eng (2014) membincangkan pengurusan perubahan yang menghubungkan aplikasi sains tingkah laku kepada membuat keputusan, perancangan, pelaksanaan dan fasa penilaian proses perubahan yang mana memberi tumpuan kepada pengurusan gangguan-gangguan yang terdapat semasa melaksanakan perubahan. Kajian tentang perubahan pengurusan data seperti dalam kajian Herhenhoff (2004) adalah untuk meningkatkan lagi kejayaan pelaksanaan sesuatu pengurusan perubahan dengan

menangani aspek perubahan manusia seperti guru, pentadbir dan pelajar yang melibatkan pengurusan data yang cekap.

Pelaksanaan perubahan dalam pengurusan data murid adalah sangat penting kerana melibatkan perubahan pada amalan dalam sesebuah sekolah. Perubahan pada amalan ini akan berlaku pada pelbagai tahap yang melibatkan motivasi dan kompetensi kerana ia melibatkan pelbagai pihak. Ini kerana dalam kajian Mohammed Sani Ibrahim dan Mohd Izham Mohd Hamzah (2012) menunjukkan pengurusan perubahan pendidikan yang melibatkan polisi bertujuan mencari strategi untuk membantu sekolah melaksanakan inovasi ke peringkat yang lebih baik yang memerlukan tahap kemahiran yang tinggi dalam semua aspek.


Dari aspek motivasi, dapat memberi dorongan atau keperluan sekali gus dapat memimpin tindakan seseorang individu. Kajian oleh Harun (2006) mentafsirkan motivasi sebagai daya penggerak yang mempengaruhi banyaknya kepuasan atau gangguan yang dialami oleh seseorang dalam sebarang situasi yang dihadapi yang berkait rapat dengan dorongan dan minat. Kajian oleh Rashid (2007) menunjukkan motivasi merujuk kepada suatu keadaan dalaman yang memberi arahan ke dalam pemikiran manusia yang mana tingkah laku mendorong untuk mencapai matlamat. Dalam kajian Rasidah Rashid (2007), mendefinisikan motivasi sebagai penggerak dalaman yang mendorong seseorang untuk mencapai sesuatu. Motivasi adalah pengaruh daripada keperluan dan keinginan terhadap pengamatan dan dorongan tingkah laku. Dalam kajian ini motivasi kerja difokuskan terhadap tingkah laku dalam melaksanakan tugas untuk mencapai matlamat dan kepuasan diri.

Selain itu, terdapat dua jenis motivasi iaitu motivasi secara intrinsik dan motivasi secara ekstrinsik. Motivasi secara intrinsik merupakan dorongan ataupun desakan yang terbit daripada dalam diri individu yang berbentuk kepuasan ataupun kesempurnaan untuk melakukan sesuatu pekerjaan atau tugas secara berkesan. Motivasi secara ekstrinsik pula merupakan motivasi yang diwujudkan melalui ganjaran ataupun kebendaan yang diberikan setelah sesuatu pekerjaan/tugas dapat dilakukan oleh seseorang dengan sempurna. Gabungan kedua-dua bentuk motivasi ini akan menghasilkan produktiviti yang maksimum terhadap pekerja dalam melakukan tugas yang diamanahkan mengikut kompetensi yang betul.

Menurut Ahmad & Jinggan (2017) kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi atau personality trait yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Justeru, kajian ini memberi fokus kompetensi ialah pengetahuan, kemahiran dan sikap pengetua semasa melaksanakan perubahan pengurusan data murid di sekolah secara efektif yang mana melibatkan persepsi guru kelas terhadap pengetua melalui pengalaman pemerhatian.

Selain itu, sesuatu perubahan dalam organisasi adalah bergantung pada kompetensi seorang pengetua. Seorang pengetua mestilah mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dalam menerajui satu perubahan khususnya dalam pengurusan data murid kerana kompetensi seorang pengetua akan mempengaruhi kompetensi guru-guru. Hal ini disokong oleh Setiyati (2014). menyatakan pengetua perlu menjadi pendidik, pengurus, pentadbir, penyelia, pemimpin dan usahawan dalam meningkatkan kemahiran guru-guru. Ini menunjukkan, pengetua perlu memainkan semua peranannya secara optimum untuk menghasilkan tahap kompetensi di antara pengetua dengan guru-guru di sekolah.

Kerangka Kajian



Rajah 1: Kerangka Kajian Perubahan Pengurusan Data Murid

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Penyelidikan berbentuk kuantitatif ini dapat memberi penerangan dan penjelasan tentang pengaruh perubahan pengurusan data murid di negeri Sabah. Dalam konteks penyelidikan ini, reka bentuk menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah tinjauan yang bersesuaian dengan objektif, persoalan kajian, saiz populasi dan sampel kajian.

Kaedah tinjauan digunakan untuk mengumpul maklumat dengan menggunakan soal selidik daripada bilangan responden yang ramai yang melibatkan pensampelan terhadap pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat iaitu motivasi guru dan kompetensi pengetua terhadap perubahan pengurusan data murid di Sabah kerana sesuai dengan skop kajian yang luas dan lebih banyak maklumat boleh diperolehi serta maklumat yang diperolehi adalah tepat dan boleh digunakan untuk menjawab pelbagai persoalan dalam kajian (Gazali Darusalam dan Sufean, 2016). Kajian Tuckman (1978) menunjukkan pendekatan kuantitatif yang sistematik memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat daripada responden serta mudah untuk membuat pemerhatian terhadap tingkah laku mereka

Populasi dan Sampel Kajian

Bilangan populasi kajian melibatkan guru lelaki dan perempuan adalah seramai 6341 orang guru kelas seluruh negeri Sabah. Selain itu, sampel kajian adalah sebahagian daripada populasi yang mewakili keseluruhan populasi yang dikaji dan prosedur pensampelan adalah kaedah yang digunakan dalam pemilihan sampel kajian (Ghazali et al., 2016). Dalam konteks kajian ini penentuan saiz sampel dibuat berdasarkan jadual pensampelan yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Oleh kerana jumlah populasi kajian seramai 6341 orang, maka saiz sampel yang dicadangkan adalah antara 361 hingga 364 orang. Walau bagaimanapun selepas melalui saringan prosedur pensampelan, jumlah sampel untuk tujuan kajian sebanyak 402 responden yang diterangkan melalui proses pemilihan sampel.

Analisis Data

Analisis data merupakan suatu kaedah mengawal dan mempersembahkan data secara prosedur statistik. Kaedah ujian menggunakan Korelasi Pearson's r dan Regresi Pelbagai. Analisis data ini dibuat adalah untuk menjawab semua soalan kajian atau hipotesis yang telah ditetapkan

di dalam borang soal selidik (Bhasah, 2007). Maklumat yang diperolehi daripada borang soal selidik ini dikod dan diproses oleh penyelidik dengan menggunakan perisian “*Statistical Package for Sosial Science*” (SPSS).

Dapatan Kajian

H₀₁ Tidak terdapat hubungan kompetensi pengetua dengan perubahan pengurusan data murid di Sabah.

Berdasarkan jadual 1.1 mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kompetensi pengetua dengan perubahan pengurusan data murid di Sabah. Nilai signifikan $0.000 < 0.05$ menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara Kompetensi Pengetua (KP) dengan Perubahan Pengurusan Data Murid (PPDM) iaitu ($r=0.371, p<0.01$). Tingkat hubungan $r = 0.371$ membawa makna perubahan pengurusan data murid menunjukkan korelasi secara positif dan hubungan antara kedua-duanya adalah lemah. Ini bermakna kajian ini menolak hipotesis nul bagi persoalan kajian di atas. yang mengatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Kompetensi Pengetua (KP) dengan Perubahan Pengurusan Data Murid (PPDM) adalah ditolak.

Jadual 1.1: Analisis Hubungan Kompetensi Pengetua Dengan Perubahan Pengurusan Data Murid

		KP	PPDM
KP	Pearson	1	.371**
	Correlation Sig. (2-tailed)	402	.008
	N		402
PPDM	Pearson	.371**	1
	Correlation Sig. (2-tailed)	.000	402
	N	402	

H₀₂ Tidak terdapat hubungan motivasi guru dengan perubahan pengurusan data murid di Sabah.

Jadual 1.2 menunjukkan nilai signifikan $0.000 < 0.05$ menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara Motivasi Guru (MG) dengan Perubahan Pengurusan Data Murid (PPDM) iaitu ($r=0.667, p<0.01$). Tingkat hubungan $r = 0.667$ membawa makna perubahan pengurusan data murid menunjukkan korelasi secara positif dan hubungan antara kedua-duanya adalah lemah. Ini bermakna kajian ini menolak hipotesis nul bagi persoalan kajian di atas yang mengatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Motivasi Guru (MG) dengan Perubahan Pengurusan Data Murid (PPDM) adalah ditolak.

Jadual 1.2: Analisis Hubungan Kompetensi Pengetua Dengan Perubahan Pengurusan Data Murid

		utiliti	Personaliti
KP	Pearson	1	.667
	Correlation		.000
	Sig. (2-	402	402
PPDM	Pearson Correlation	.667	1
	Sig. (2-	.000	
	tailed)	402	402

H₀₃ Tidak terdapat pengaruh antara kompetensi pengetua dan motivasi guru dengan perubahan pengurusan data murid di Sabah.

Dalam jadual 1.3 menunjukkan hasil dapatan, mendapati nilai sig. $0.000 < 0.05$ mendapati bahawa terdapat pengaruh di antara pemboleh ubah motivasi guru dan kompetensi pengetua dengan pemboleh ubah bersandar, iaitu perubahan pengurusan data murid di Sabah. Berdasarkan nilai Standardized Coefficients (Beta) Variabel motivasi guru ($B = 0.548$) merupakan peramal yang lebih baik terhadap variabel bersandar perubahan pengurusan data murid berbanding kompetensi pengetua ($B = 0.159$) yang mana kesimpulan di buat pada aras signifikan 0.00 ($p < 0.05$) atau tahap keyakinan 95 peratus. Ini menunjukkan hipotesis nol di tolak dan kesimpulan menunjukkan variabel peramal Motivasi Guru (MG) dan Kompetensi Guru (KG) merupakan peramal yang signifikan menentukan Perubahan Pengurusan Data Murid (PPDM) di negeri Sabah.

Jadual 1.3: Analisis Pengaruh Kompetensi Pengetua dan Motivasi Guru Dengan Perubahan Pengurusan Data Murid

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1 (Constant)	.524	.188		2.786	.006
Motivasi	.657	.060	.548	11.002	.000
Kompetensi	.154	.045	.159	3.433	.000

Perbincangan

Dapatan kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini menunjukkan hubungan dan pengaruh pemboleh ubah bersandar iaitu perubahan pengurusan data murid dan pemboleh ubah tidak bersandar adalah motivasi guru dan kompetensi pengetua di Sabah. Berdasarkan kepada hasil kajian yang dijalankan menunjukkan terdapat hubungan di antara motivasi guru dengan perubahan pengurusan data murid di Sabah. Namun kolerasinya adalah di tahap lemah terhadap perubahan pengurusan data murid di Sabah.

Ini menunjukkan, aspek motivasi guru perlu diberikan perhatian yang serius ini kerana menurut Spector & Park (2018) bahawa sokongan positif termasuk membangunkan modal insan yang berkaitan pembangunan guru dan menyediakan bahan dan sumber guru sangat penting untuk memberi motivasi kepada guru untuk menjadi sebahagian daripada proses perubahan yang lebih baik di sekolah. Selain itu, terdapat hubungan yang signifikan di antara variable kompetensi pengetua dengan perubahan pengurusan data murid di sekolah, mempunyai hubungan positif iaitu di tahap yang kuat menunjukkan bahawa faktor kompetensi pengetua yang berada pada

tahap yang baik akan menyebabkan perubahan pengurusan data murid di sekolah turut meningkat.

Selain itu, pengaruh antara kompetensi pengetua dan motivasi guru dengan perubahan pengurusan data murid di Sabah, menunjukkan motivasi guru dan kompetensi pengetua mempunyai pengaruh terhadap perubahan pengurusan data murid. Ini menunjukkan, motivasi guru mempunyai pengaruh yang lebih tinggi daripada kompetensi pengetua terhadap perubahan pengurusan data murid sekali gus membuktikan motivasi guru merupakan peramal yang lebih baik daripada kompetensi pengetua terhadap perubahan pengurusan data murid di negeri Sabah.

Rumusan

Tahap kompetensi yang tinggi dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pentadbir dapat meningkatkan kecekapan pekerja-pekerja bawahannya. Ini menunjukkan seseorang pengetua perlu memiliki tahap kompetensi yang cemerlang di sekolah agar menjadi contoh teladan kepada guru-guru yang lain. Ini kerana kajian Ngcobo dan Tikly (2010) mendapati perubahan pengurusan di sekolah adalah berkesan jika mengutamakan pendekatan memotivasikan staf, sifat perkongsian kepimpinan yang berkesan, memberi tumpuan kepada pengetua dan mempunyai kemahiran yang mempunyai pengetahuan mengenai inovasi dan perubahan supaya guru sebagai agen pelaksana dapat menerima perubahan tersebut.

Kesimpulan

Perubahan pengurusan data murid di sekolah sangat penting bagi menjamin keberhasilan setiap dasar pendidikan dapat dijalankan di peringkat sekolah lagi. Ini menunjukkan perubahan pengurusan yang lebih baik perlu menjadi budaya masyarakat sekolah terutama dalam aplikasi teknologi dalam dunia pendidikan. Hasil kajian ini membuktikan bahawa kompetensi pengetua dan motivasi guru mempunyai hubungan secara langsung dan tidak langsung kepada perubahan pengurusan data murid. Tidak dinafikan lagi perubahan dalam pengurusan data murid hanya sedikit daripada perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan Malaysia. Banyak perubahan yang berlaku melibatkan sistem pengurusan seiring dengan revolusi perindustrian 4.0. Oleh yang sedemikian, kerjasama daripada semua pihak diperlukan dalam menerajui perubahan yang semakin meningkat. Kajian lanjutan dan skop kajian perlu dilaksanakan bagi membantu semua pihak mendapat pencapaian yang lebih baik.

Rujukan

- Ahmad, A., & Jingga, N. (2017). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11.
- Antin, A., & Kiflee, D. N. B. A. (2018). Influence of Work Load and Motivation Towards Work Efficiency of Secondary School Teacher in Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (mjssh), 3(2), 77-84.
- Bank, L., Jippes, M., Scherpbier, A. J., & Scheele, F. (2017). *Change Management Support in Postgraduate Medical Education: A Change for the Better. In Medical and Surgical Education-Past, Present and Future*. IntechOpen.
- Brunsson, N., & Olsen, J. P. (2018). *The Reforming organization: making sense of administrative change*. Routledge.
- Cheon, S. H., Reeve, J., Lee, Y., & Lee, J. W. 2018. Why autonomy-supportive interventions work: Explaining the professional development of teachers' motivating style. *Teaching and Teacher Education*, 69, 43-51.
- Cohen L, Manion L, Morrison K. 2000. *Research Methods in Education*.5th ed. London: Routledge Falmer.

- Deutschman, A. (2005). Is your boss a psychopath? *Fast Company*, 96(7), 44-52.
- Dunne, D., & Martin, R. (2006). Design thinking and how it will change management education: An interview and discussion. *Academy of Management Learning & Education*, 5(4), 512-523.
- Gazali Darusalam dan Sufean. 2016. *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya
- Harun, H. (2006). Minat, motivasi dan kemahiran mengajar guru pelatih. *Malaysian Journal of Education*, 31, 83-96.
- Herkenhoff, L. (2004). Culturally tuned emotional intelligence: an effective change management tool? *Strategic Change*, 13(2), 73.
- Ibrahim, I. B., & Don, Y. B. (2014). Servant leadership and effective changes management in schools. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 4(1), 1-9.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Mohammed Sani Ibrahim dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2012. *Pengurusan Perubahan Makro dalam Pendidikan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ngcobo, T. & Tikly, L.P. 2010. Key dimensions of effective leadership for change: a focus on township and rural schools in South Africa. *Educational Management Administration & Leadership*, 38(2), Pp. 202 - 228.
- Noordin, Y., Sharifudin, I., & Azizi, Y. (2004, December). Tingkah Laku Kepimpinan Pengetua dan Hubungannya Dengan Tekanan Kerja dan Kebersihan Organisasi, Dibeberapa Buah Sekolah Terpilih Di Negeri Sembilan. In Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-12 2004 (pp. 183-195). Institut Aminuddin Baki.
- Puteh, S. N., Ghazali, N. A., Tamyis, M. M., & Ali, A. (2016). Keprihatinan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Kemahiran Secraa Kritis dan Kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 19-31.
- Rashid, R. (2007). Hubungan antara gaya pembelajaran dengan motivasi dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah luar bandar, Sabah (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Raymond, M.K. 2007. Social Presence Awareness For Knowledge Transformation In A Mobile Learning Environment. *International Journal Of Education And Development Using Information And Communication Technology*. Vol 3.Issue 4.102-109
- Salleh, M. M., Ibrahim, M. S., & Ariffin, S. R. (2009). Kepimpinan dan pengurusan strategik di institusi pendidikan Mara. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 219-233.
- Santagata, R., & Yeh, C. (2016). The role of perception, interpretation, and decision making in the development of beginning teachers' competence. *ZDM*, 48(1-2), 153-165.
- Sharma, S. (2010). Perceived leadership capacities of Malaysian principals. *International Journal of Educational Administration*, 2(3), 335-348.
- Setiyati, S. (2014). Pengaruh kepemimpinan kepala sekolah, motivasi Kerja, dan budaya sekolah terhadap kinerja guru. *Jurnal Pendidikan Teknologi dan Kejuruan*, 22(2), 200-206.
- Spector, M. J., & Park, S. Y. (2018). *Motivation, learning, and technology*. New York, NY: Routledge. Preview version of this paper. Content and pagination may change prior to final publication.
- Spencer, L. & Spencer, S. (1993.) *Competence at Work: A Model for Superior Performance*. New York: Wiley.
- Sudrajat A. 2012. Kompetensi guru dan peran kepala sekolah, (January), 1–6.
- Tuckman. 1978. *Conducting Educational Research*. 2nd. Edition. Boston: Hercant B. J. Inc.

- Wiersma, W. 2000. *Research Methods In Education An Introduction*. Boston: Allyn And Bacon Publisher.
- Woods, P., Jeffrey, B., Troman, G., & Boyle, M. (2019). *Restructuring schools, reconstructing teachers: Responding to change in the primary school*. Routledge.
- Yusup Hashim. 1998. *Teknologi Pengajaran*.